

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK IGNATIUS DARELL LEIKING
[PENAMPANG]**

TARIKH : 1 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status naik taraf Jalan Terian, Penampang, Sabah yang berjumlah RM102 Juta seperti senarai projek RP4 RMK-11 untuk P.174 Penampang yang diumumkan oleh Jabatan Perdana Menteri pada 18 Februari 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Naiktaraf Jalan Terian, Penampang, Sabah telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, *Rolling Plan* keempat (RMKe-11, RP4) Tahun 2019 dengan kos sebanyak RM102 juta dengan skop naiktaraf jalan sepanjang 17km dengan spesifikasi JKR R2. Status projek kini adalah di peringkat lantikan perunding. Jangkaan pelaksanaan projek adalah pada November 2021.

Sekian, terima kasih.